

# Brenton Tarrant tidak menyesal

Kosmo 17/03/2019 (MIS 02)

**CHRISTCHURCH** - Seorang pelampau berhaluan kanan yang merakam dirinya melepaskan tembakan dan membunuh 49 remaja masjid, membuat simbol *white supremacist* atau 'ketuanan kulit putih' semalam ketika dihadapkan ke sebuah mahkamah New Zealand untuk berdepan tuduhan membunuh.

Pengganas kelahiran Australia, Brenton Tarrant, 28, berdiri di kandang tertuduh dengan tangan bergari dan memakai baju penjara berwarna putih ketika hakim membaca satu pertuduhan membunuh terhadapnya. Dia berdepan banyak lagi pertuduhan.

Bekas jurulatih kecergasan dan pengamal fahaman fasis itu sesekali berpaling untuk melihat tugas-petugas media yang ada di dalam mahkamah.. Orang ramai pula tidak dibenarkan melihat percakapan ringkas tersebut atas sebab keselamatan.

Tarrant yang diiringi anggota-anggota polis bersenjata sempat membuat isyarat 'okey' terbalik, simbol yang digunakan oleh kumpulan-kumpulan pelampau kulit putih di seluruh dunia.

Tertuduh tidak memohon ikat jamin dan berada dalam tahanan sehingga kes tersebut disebut semula pada 5 April ini.

Tarrant merupakan seorang jurulatih gimnasium dari pedalaman Australia yang menjadi obses dengan ideologi

fasis semasa dia berkunjung ke Eropah.

Lelaki yang membunuh 49 orang di dua masjid New Zealand itu tiada dalam mana-mana senarai pemerhatian pengganas dan tidak mempunyai rekod jenayah lampau.

Tarrant membesar di pekan Grafton, utara negeri New South Wales. Dia menamatkan sekolah tinggi dan mendapatkan kelayakan di bidang kecerdasan sebelum bekerja di sebuah gimnasium tempatan pada tahun 2009.

Pemilik gimnasium itu, Tracey Gray, menyifatkan Tarrant sebagai jurulatih yang rajin tetapi berubah selepas melakukan perjalanan ke Eropah dan Asia dengan status-status di media sosial membayangkan dia pernah berkunjung ke Pakistan dan Korea Utara.

"Saya percaya sesuatu telah mengubah dirinya sepanjang beberapa tahun dia berada di seberang laut," kata Gray kepada badan penyiaran ABC.

Pakar geostrategis yang juga pemerhati politik, Prof. Madya Dr. Azmi Hassan berkata, Tarrant merupakan seorang penganut berfahaman ekstrem Neo-Nazi dan Neo-Fasis.

Katanya, ciri-ciri itu boleh dilihat pada manifesto ketuanan kulit putih setebal 73 halaman berjudul *The Great Replacement* yang dibuat naik Tarrant di media

sosial. Menurut beliau, sikap fasis dalam kalangan orang kulit putih termasuk Tarrant hanya menganggap diri sendiri sahaja yang betul dan baik kerana kononnya mereka adalah daripada kumpulan yang terbaik.



**BRENTON TARRANT** dihadapkan ke Mahkamah Majistret Christchurch semalam.



SEORANG anggota polis bersenjata berkawal di hadapan Masjid Al-Noor di Christchurch semalam.



**INFO** Lokasi serangan masjid di New Zealand

## INFO Fahaman Neo-Fasis

- Golongan fahaman radikal yang wujud selepas Perang Dunia Kedua mengambil fahaman Nazi pimpinan Adolf Hitler.
- Golongan terbabit adalah ekstrem kerana berpaksikan ultranasionalisme iaitu mempromosikan kepentingan negara dan bangsa melebihi segalanya.
- Golongan fahaman radikal yang mengutamakan kepentingan politik kaum natif, mengutamakan kepentingan berasas kaum, memperjuangkan golongan bawahan dan menolak imigrasi
- Fasis merupakan ideologi politik yang meletakkan kepentingan negara lebih penting daripada kepentingan individu atau masyarakat
- Ideologi itu memberi penekanan kepada ketakutan terhadap sesebuah musuh yang dibayangkan sebagai satu kerangka konspirasi atau dilihat mempunyai ideologi lain
- Dalam pola pemikiran fasis, musuh berada di medan perang ataupun dalam bangsa sendiri
- Ideologi ini meliputi unsur-unsur nasionalisme, ketenteraan, korporatisme, totalitarianisme, anti-komunisme dan anti-liberalisme

diktator Jerman yang juga bekas pemimpin Parti Nazi, Adolf Hitler yang boleh dilihat melalui sikap ekstremnya ketika masih berkuasa.

"Kalau nak diikuti, Parti Nazi dibawah pimpinan Adolf Hitler mempunyai sikap yang ekstrem terhadap masyarakat Yahudi. Situasi seperti

ini (ketuanan kulit putih) sebenarnya telah lama berlaku sebelum Hitler berkuasa namun, ia paling ketara pada era Perang Dunia Kedua," ujarnya.